

## KEMAHIRAN

# Lepasan vokasional, teknikal lebih mudah dapat kerja

**B**aru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi, PPPMPT) yang dilihat sebagai usaha penting ke arah hala tuju baharu yang menentukan masa depan negara, terutama dalam sektor pendidikan tinggi. Pelan itu mampu mewujudkan modal insan yang dikategorikan sebagai 3B iaitu berbakat, bertaraf global dan berteraskan nilai positif.

Antara perkara pokok diberi penekanan dalam pelan berkenaan adalah melahirkan graduan holistik dan seimbang, iaitu berilmu dan berakhlak, serta mempunyai keupayaan untuk menyumbang jasa dan bakti kepada negara serta pada peringkat antarabangsa.

Apa yang menarik perhatian ialah fokus utama yang ingin diberi kerajaan terhadap sektor latihan vokasional dan teknikal yang juga mempunyai peranan sama penting dalam pendidikan negara. Bagi meneruskan usaha ke arah menjadi sebuah negara yang maju, pendidikan vokasional dan teknik perlu diberi perhatian penting oleh semua pihak bagi memastikan pembangunan pendidikan dalam negara terus mapan dan berdaya saing.

Banyak negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Kanada yang peratus pelajar lepasan sekolah menengahnya lebih banyak menjurus kepada sek-

tor pendidikan dalam bidang vokasional dan teknikal.

Negara terbabit menyasarkan jumlah besar ahli teknologi, pekerja mahir dan separa tinggi bagi memangkinkan pertumbuhan ekonomi mereka secara berterusan dan berkualiti.

Dasar yang diamanahkan negara terbabit juga menjadi satu penekanan penting kerana mereka mahu memastikan modal insan dalam sektor pekerjaan mereka sentiasa kekal mencukupi dan tidak bergantung kepada tenaga asing di samping memastikan nasib generasi masa depannya terus terbela.

## Generasi muda minat vokasional, teknikal

Perlu diketahui, kebanyakan minat golongan belia pada masa ini lebih kepada bidang yang berunsur vokasional dan teknikal kerana dianggap banyak menawarkan peluang pekerjaan, serta lebih terjamin untuk kelangsungan kehidupan mereka pada masa depan berbanding bidang akademik konvensional yang banyak



Kemahiran yang dimiliki pelajar lepasan vokasional dan teknikal menjadi pilihan industri.

[GAMBAR HIASAN]

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

ditawarkan universiti pada masa ini.

Anggapan negatif sesetengah pihak terhadap sektor pendidikan vokasional dan teknikal juga perlu diubah bagi memastikan kelancaran pelan pembangunan. Semua pihak perlu mengubah pemikiran terhadap sektor pendidikan vokasional dan teknikal yang sering dianggap sebagai sektor pendidikan kelas kedua.

Zaman sudah banyak berubah, kebanyakan sektor pekerjaan di luar sudah mula memberi fokus kepada sektor yang lebih memerlukan tenaga kemahiran vokasional dan teknikal dari seseorang pekerja seperti bidang automotif, aeroangkasa, teknologi makanan, elektronik dan farmaseutikal.

Negara kita juga kini memerlukan modal insan terbaik bagi

mendokong pembangunan industri dan penguasaan teknologi bagi mengelakkan kebergantungan secara total terhadap teknologi dan kemahiran dari negara lain.

Perhatian yang diberikan bagi meningkatkan tahap kualiti pendidikan vokasional dan teknikal ini juga sekali gus dapat memberi peluang kepada generasi muda lepasan sekolah untuk melanjutkan pelajaran mereka, sekali gus dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar yang tidak berjaya atau yang tidak berminat melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi sedia ada.

## Kurangkan kadar pengangguran

Secara tidak langsung, ia juga dapat mengurangkan kes jenayah membabitkan remaja yang rata-rata terdiri daripada mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

selepas tamat sekolah.

Pada masa sama, ia juga dapat menjamin pengurangan kadar pengangguran dalam negara untuk jangka masa panjang kerana generasi muda terbabit sudah dilatih dengan pelbagai jenis kemahiran untuk menjana pendapatan.

Seiring pelancaran PPPMPT, universiti teknikal tempatan hendaklah melihat kembali kursus yang ditawarkan serta mengambil langkah lebih agresif bagi menawarkan program berkaitan, sejajar dengan keperluan dan pembangunan industri negara kita.

Sekiranya hasrat murni kerajaan ini gagal dihayati, maka Malaysia akan tertinggal jauh dalam sektor industri pada masa hadapan serta akan menjejaskan masa depan serta kehidupan generasi muda.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia